



## KENYATAAN MEDIA

1. Semenjak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac 2020 (tahun lalu), Kerajaan telah memutuskan untuk melaksanakan dasar penutupan sempadan negara bagi mengekang penularan pandemik COVID-19 yang dibawa daripada kemasukan warga asing ke dalam negara.
2. Melalui keputusan tersebut, permohonan untuk menyertai Program Malaysia Rumah Keduaku (MM2H) **telah dibekukan** bagi memberi ruang kepada Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) untuk mengkaji serta menilai semula secara komprehensif terhadap Program MM2H.
3. Rentetan itu, Jemaah Menteri pada 14 Julai 2021 dan 30 Julai 2021 telah bersetuju dengan cadangan penambahbaikan dasar baharu Program MM2H sebagai salah satu strategi untuk membantu pelaksanaan Program Pemulihan Negara (PPN) bagi menjana semula ekonomi negara.
4. Sehubungan itu, sukacita saya maklumkan bahawa **Program MM2H akan diaktifkan semula** dan permohonan baharu akan **diproses serta dikendalikan oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM)** mulai Oktober 2021, setelah semua proses berkaitan perundangan selesai.

### DASAR PENETAPAN SILING BILANGAN PESERTA MM2H

5. Kerajaan memahami akan kegusaran dan kebimbangan rakyat mengenai kemasukan warga asing melalui Program MM2H yang dikhuatiri akan menambah lambakan warga asing di Malaysia.

6. Oleh yang demikian, kerajaan bersetuju untuk memperkenalkan dan menetapkan siling bilangan peserta (prinsipal dan tanggungan) pada satu-satu masa iaitu **tidak melebihi 1%** daripada jumlah warganegara Malaysia.

#### **PESERTA YANG BERKELAYAKAN, TANPA REKOD JENAYAH**

7. Kementerian Dalam Negeri memberi jaminan bahawa hanya peserta yang berkelayakan dan tidak mempunyai rekod kesalahan jenayah akan dibenarkan untuk menyertai program ini.

8. Tatacara permohonan Program MM2H juga akan ditambahbaik dengan mewujudkan satu sistem secara atas talian bagi tujuan permohonan, pemprosesan dan pangkalan data profil peserta MM2H.

9. Bagi mengimbangi aspek keselamatan dan ekonomi, syarat-syarat penyertaan Program MM2H dalam dasar baharu ini telah ditambahbaik setelah mengambil kira beberapa pandangan kementerian/agensi kerajaan.

10. Syarat-syarat tersebut adalah:

**PERTAMA: Keberadaan atau kemastautinan di Malaysia adalah sekurang-kurangnya selama 90 hari (kumulatif) dalam setahun.**

- Ini adalah bagi memastikan peserta-peserta MM2H benar-benar berbelanja dan menyumbang kepada ekonomi dalam negara sama ada dalam bentuk sewaan atau pembelian hartanah, perkhidmatan kesihatan, insurans, pendidikan, perbelanjaan makan-minum, pelancongan domestik dan lain-lain yang seterusnya akan menjana pendapatan kepada rakyat tempatan.

**KEDUA:** Pendapatan luar negara (*offshore income*) peserta MM2H sekurang-kurangnya RM40,000 sebulan, berbanding RM10,000 sebelum ini.

- Berbanding syarat pendapatan sedia ada, syarat pendapatan baharu ini adalah lebih relevan kerana Kerajaan menasarkankan peserta yang berkualiti, berkemampuan dan berpendapatan tinggi.
- Selain mengambil kira perbelanjaan yang akan dibelanjakan dalam pendidikan anak-anak di sekolah antarabangsa sebagai contoh dan gaya hidup yang sesuai dengan taraf hidup mereka.

**KETIGA:** Pemilikan akaun simpanan tetap sekurang-kurangnya RM1 juta dan pengeluaran maksimum sebanyak 50% dibenarkan ke atas nilai prinsipal bagi tujuan pembelian hartanah, kesihatan dan pendidikan anak-anak.

- Sebelum ini syarat yang ditetapkan adalah pemilikan akaun simpanan tetap sekurang-kurangnya RM150,000 bagi pemohon 50 tahun ke atas dan RM300,000 bagi pemohon 50 tahun ke bawah.

**KEEMPAT:** Umur pemohon yang layak memohon Program MM2H dipecahkan kepada 2 kategori pemohon iaitu :

- (1) Umur **35 tahun sehingga 49 tahun**; dan
  - (2) Umur **50 tahun dan ke atas**
- Kerajaan akan memperkenalkan kategori umur 35 tahun sehingga 49 tahun bagi tujuan memilih peserta yang benar-benar berkualiti yang lebih stabil dari segi pendapatan dan mempunyai kerjaya tetap.
  - Syarat ini diperkenalkan selaras dengan peredaran masa dan melihat kepada kejayaan program seumpama Program MM2H yang memberi kesan limpahan ekonomi kepada negara jiran iaitu Thailand dan Filipina.

- Walau bagaimanapun, dalam memastikan kumpulan umur 35 tahun sehingga 49 tahun dapat memenuhi objektif program syarat tambahan dikenakan sebagai aspek kawalan seperti berikut:
  - (1) Keberadaan dan kemastautinan di Malaysia sekurang-kurangnya selama **90 hari dalam setahun (kumulatif)** mestilah dipenuhi sama ada oleh **pemohon atau pasangan**; dan
  - (2) Bagi setiap tanggungan yang terdiri daripada pasangan dan anak-anak pemohon serta ibu bapa dan ibu bapa mertua pemohon, sebanyak **RM50,000 bagi setiap tanggungan** hendaklah ditambah ke atas pemilikan akaun simpanan tetap seperti di syarat ketiga yang saya telah sebutkan tadi. Pengeluaran 50% juga dibenarkan bagi tujuan perbelanjaan pendidikan, kesihatan dan pembelian hartanah.

**KELIMA:** Tempoh Pas Lawatan Sosial Jangka Panjang Program MM2H adalah 5 tahun dan boleh dilanjutkan selama 5 tahun dan seterusnya selagi peserta berminat tertakluk kepada memenuhi syarat permohonan (Berbanding 10 tahun sebelum ini)

**KEENAM:** Pengisytiharan aset cair sekurang-kurangnya RM1.5 juta.

- Pemohon hendaklah membuktikan memiliki aset cair sebanyak RM1.5 juta berbanding syarat sebelum ini yang menetapkan nilai aset cair sebanyak RM350,000 dan RM500,000 mengikut kategori masing-masing.
- Syarat ini yang telah ditambahbaik adalah bagi menyasarkan peserta Program MM2H yang berkemampuan tinggi dari segi kewangan dan seterusnya bakal menyumbang kepada ekonomi negara.

**KETUJUJUH:** Kadar fi pas dari RM90 dinaikkan kepada RM500 setahun dan fi proses dikenakan sebanyak RM5,000 bagi prinsipal serta RM2,500 bagi setiap tanggungan

- Selaras dengan kemudahan dan keistimewaan yang diberikan, Kerajaan bersetuju kadar fi pas dinaikkan dan dikenakan caj fi proses.
- Sebelum ini, fi proses tidak dikenakan kepada peserta Program MM2H.
- Kenaan fi proses ini adalah bertujuan untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan yang akan diberikan ke atas peserta Program MM2H. Untuk itu, sistem atas talian yang dibangunkan akan dapat memberi perkhidmatan terbaik kepada peserta Program MM2H.

11. Syarat-syarat seterusnya adalah merupakan usaha Kementerian Dalam Negeri untuk memastikan keutamaan aspek keselamatan dalam pemberian kemudahan Pas MM2H kepada peserta iaitu:

**KELAPAN:** Pembaharuan pas, pertukaran prinsipal, pertukaran kewarganegaraan peserta dan tanggungan juga perlu menjalani dan lulus tapisan keselamatan.

**KESEMBILAN:** Keperluan mengemukakan Sijil Berkelakuan Baik (*Letter of Good Conduct*) untuk semua peserta dan tanggungan.

- Bagi memantapkan kawalan dari segi keselamatan, syarat-syarat ini dikenakan agar pemantauan oleh agensi penguatkuasa dapat ditingkatkan.

**KESEPULUH: Kerjasama Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) serta ejen-ejen pelancongan**

12. Fungsi mempromosi Program MM2H dan jenamanya akan terus dipergiatkan lagi melalui penglibatan MOTAC dan agensi Tourism Malaysia dalam memperkenalkan Malaysia sebagai destinasi inap jangka panjang terutama kepada pesara-pesara dan personaliti berpendapatan tinggi.

13. MOTAC adalah rakan penting dalam kejayaan pelaksanaan Program MM2H terutamanya dalam aspek pemasaran global.

14. Selain itu, ejen-ejen pelancongan yang berdaftar di bawah MOTAC juga akan turut membantu melaksanakan strategi promosi Program MM2H berdasarkan garis panduan yang ditetapkan oleh MOTAC.

15. Pelaksanaan dasar baharu Program MM2H ini akan terpakai kepada semua permohonan baharu dan permohonan pelanjutan bagi peserta sedia ada yang telah dan akan tamat tempoh sah pas MM2H.

16. Maksudnya, peserta sedia ada sekiranya masih berminat untuk menyertai program ini boleh memohon pelanjutan tertakluk kepada syarat-syarat baharu dipatuhi.

17. Sukacita saya ingin menyatakan bahawa tempoh penangguhan atau *grace period* selama satu (1) tahun akan diberikan bagi memberi ruang masa kepada peserta lanjutan untuk memenuhi keperluan syarat-syarat baharu berkenaan.

18. Pelaksanaan Program MM2H dan kemasukan peserta program ke Malaysia masih tertakluk kepada dasar dan Prosedur Operasi Standard (SOP) Kesihatan yang telah ditetapkan oleh MKN dan penilaian risiko oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

19. Sejak 2002 hingga 2019, Program MM2H telah berjaya merangsang ekonomi negara dengan pendapatan berjumlah RM11.89 bilion *Gross Value Added* secara kumulatif menerusi fi visa, pembelian hartanah, pembelian kenderaan persendirian, simpanan tetap dan perbelanjaan isi rumah bulanan.

20. Setakat ini, jumlah peserta MM2H yang telah diluluskan adalah sebanyak 57,478 orang termasuk tanggungan yang dibawa oleh pemegang Pas MM2H.

21. Bagi memastikan kawalan terhadap peserta MM2H, Kementerian Dalam Negeri melalui agensi penguatkuasaan di bawahnya iaitu Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan Polis DiRaja Malaysia (PDRM) akan melaksanakan pemantauan dan penguatkuasaan secara berkala dan dari semasa ke semasa.

22. Akhir sekali, saya berharap dengan pengaktifan semula Program MM2H ini, akan dapat menarik semula keyakinan bakal para peserta untuk terus menjadikan Malaysia sebagai "Rumah Keduaku" dan seterusnya akan dapat menjana semula ekonomi Malaysia bagi merealisasikan strategi Kerajaan dalam memastikan Pelan Pemulihan Negara dapat dijayakan.

**DATUK WAN AHMAD DAHLAN BIN HAJI ABDUL AZIZ**

**KETUA SETIAUSAHA**

Kementerian Dalam Negeri

11 Ogos 2021, Putrajaya